



Received: 2025-03-12

Accepted: 2025-05-10

Published: 2025-06-30

Original Article

Identifikasi Kajian Pendidikan Multi-Agama dan Antara-Agama di ASEAN (2014-2024): Satu Tinjauan Literatur Bersistematik:

(Identification of Studies Related to Multi-religious Education and Inter-religious Education in ASEAN (2014-2024): A Systematic Literature Review)

Sulmi Badar,^{a*} Asyraf Isyraqi Bin Jamil^b & Khadijah Mohd Khambali@Hambali^c

^a Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia

^b Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia (Khidmat Semasa Secara Peminjaman di Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia)

^c Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia

* Corresponding author, email: isyraqi@um.edu.my

ABSTRACT

Religious education in ASEAN has traditionally been oriented towards a mono-religious system that emphasises one dominant religion in the national education system. However, in the context of increasingly complex societies, this approach raises critical questions about its efficacy in shaping inclusive and harmonious societies. This article employs a systematic literature review (SLR) approach to analyse the development of multi-religious and inter-religious education in ASEAN from 2016 to 2024. The analysis revealed a paucity of studies in this field, with the majority concentrating on two countries, namely Indonesia and Malaysia. Other ASEAN countries have produced only a limited amount of significant research in this area. The study's findings indicate that multi-religious education has the potential to facilitate a more comprehensive comprehension of other religious doctrines without compromising the distinctiveness of each religion's identity. Conversely, inter-religious education underscores engagement and discourse as pivotal tools to mitigate prejudice and alleviate social discord. Nevertheless, the implementation of both approaches is still encumbered by challenges such as misalignment in national education bases, political and religious sensitivities, and a shortage of faculty trained in cross-religious education. Moreover, the rise in academic publications following 2020 signifies the resurgence of discourse on the significance of inclusive education within academic circles. However, this discourse has not been systematically integrated into national education curricula in the majority of ASEAN countries. The article posits that the absence of comprehensive and dialogic educational reforms in ASEAN nations threatens to perpetuate the escalation of religious polarisation. Consequently, multi-religious education and inter-religious education must be established as integral components of a comprehensive, long-term strategy to ensure social stability and regional harmony. Further studies are needed to

empirically assess the efficacy of this education model and to frame more effective pedagogical strategies to ensure that multi-religious and inter-religious education can be implemented without creating social tensions or compromising the religious identity of a community.

Keywords: multi-religious education; inter-religious education; ASEAN education system; social harmony; education reform.

Pengenalan

Pendidikan agama sering dianggap sebagai elemen penting dalam pembinaan masyarakat yang harmoni dan bertoleransi. Namun, dalam konteks masyarakat majmuk, pendekatan pendidikan agama yang eksklusif dan berorientasikan satu agama sahaja boleh menjadi faktor yang mengukuhkan jurang perbezaan serta menghambat usaha membina jalinan sosial yang inklusif.¹ Di rantau ASEAN, kepelbagaian agama merupakan salah satu ciri utama identiti sosial yang merangkumi Islam, Kristian, Buddha, Hindu, serta pelbagai kepercayaan tradisional dan pribumi.² Walaupun kepelbagaian ini menjadi aset dalam pembentukan masyarakat pluralistik yang dinamik, ia juga boleh menjadi cabaran jika tidak diurus dengan baik, terutama dalam sistem pendidikan yang berfungsi sebagai medium utama pembentukan pemikiran generasi muda.

Dalam konteks pendidikan, banyak negara ASEAN masih mengamalkan sistem pendidikan agama yang berbentuk *mono-religious*, iaitu memberikan tumpuan kepada satu agama dominan dalam kurikulum nasional tanpa memberi ruang kepada pemahaman yang lebih luas mengenai agama-agama lain. Misalnya, pendidikan Islam di Malaysia³ dan Brunei⁴ lebih menekankan aspek pengukuhan keimanan umat Islam, manakala pendidikan agama Kristian di Filipina memberi tumpuan kepada ajaran Gereja Katolik. Pendekatan ini sering mengabaikan peranan pendidikan dalam membentuk pemikiran terbuka terhadap kepercayaan lain serta membina dialog antara penganut agama yang berbeza. Situasi ini menimbulkan persoalan kritikal: adakah sistem pendidikan di ASEAN berperanan sebagai jambatan kepada persefahaman antara agama, atau sebaliknya menjadi tembok pemisah yang menghalang dialog dan interaksi antara penganut agama yang berbeza?

Dalam era globalisasi dan digitalisasi yang semakin pesat, pemahaman antara agama bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan mendesak. ASEAN sebagai sebuah rantau yang berbilang agama telah menyaksikan bagaimana ketidaksefahaman agama boleh mencetuskan ketegangan sosial, konflik politik, serta penyebaran ideologi ekstrem yang berasaskan fahaman eksklusif terhadap agama tertentu. Pendidikan multi-agama (*multi-religious education*) merujuk kepada pendidikan ini lebih tertumpu kepada kandungan maklumat tentang agama-agama lain. Manakala, pendidikan antara-agama (*inter-religious education*) sebagai pendidikan mempelajari

¹ Afifuddin and Ismail Hj Ishak. "Inclusive Religion Education In Building Tolerance From School." *Journal of Research and Multidisciplinary* 3, no. 2 (2020): 337-347.

² Benny, Guido and Ravichandran Moorthy. "Cabaran Pembinaan Komuniti Asean: Analisis Persepsi Awam Di Tiga Negara Asean." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 42, no. 2 (2015).

³ Mohd Nor, Mohd Roslan. "Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia." *At-Ta'dib* 6, no. 1 (2011).

⁴ Yahya, Masuriyati and Che Zarrina Sa'ari. "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 Brunei Darussalam dalam Melestari Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 16, no. 1 (2015): 61-92.

perihal agama lain dan mempelajari hidup dalam kebersamaan menerusi interaksi bersama.⁵ muncul sebagai pendekatan alternatif yang boleh memberikan penyelesaian kepada cabaran ini.⁶ Pendidikan multi-agama membuka ruang kepada pelajar untuk memahami agama-agama lain tanpa menghakis identiti agama sendiri, sementara pendidikan antara-agama menekankan interaksi aktif melalui dialog dan perbincangan antara penganut pelbagai agama bagi meningkatkan kefahaman serta sikap toleransi.⁷

Kajian menunjukkan sistem pendidikan agama yang bersifat terbuka dan inklusif iaitu seperti pendidikan antara-agama berperanan mewujudkan keharmonian dalam kepelbagaian masyarakat berbanding pendekatan *mono-religious*.⁸ Sebagai contoh, sistem pendidikan di beberapa negara Eropah telah berjaya menerapkan pendekatan pendidikan antara-agama dalam pendidikan agama sebagai sebahagian daripada kurikulum nasional, yang seterusnya membantu dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni.⁹ Persoalan yang timbul adalah sejauh mana pendekatan ini telah diterapkan di ASEAN, dan apakah cabaran utama dalam pelaksanaannya?

Meskipun manfaat pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama sudah terbukti dalam pelbagai kajian, pelaksanaannya di ASEAN masih menghadapi beberapa cabaran yang signifikan. Salah satu cabaran utama adalah kekangan dasar¹⁰ dan kurikulum yang masih berorientasikan pendidikan agama secara eksklusif.¹¹ Kurikulum di kebanyakan negara ASEAN masih belum memberi perhatian serius terhadap pendidikan agama yang bersifat dialog dan inklusif, menjadikannya sukar untuk diterapkan dalam sistem pendidikan arus perdana. Selain itu, isu sensitiviti agama dan politik turut menjadi faktor yang menghalang usaha memperkenalkan pendekatan pendidikan antara-agama secara lebih meluas. Dalam beberapa konteks, terdapat kebimbangan bahawa pendidikan ini boleh membawa kepada pluralisme atau relativisme agama, atau menghakis identiti keagamaan sesuatu kumpulan masyarakat.

Selain cabaran dasar dan politik, kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam bidang pendidikan antara-agama turut menjadi penghalang utama. Guru yang mengajar pendidikan agama sering kali hanya mempunyai kepakaran dalam satu agama sahaja tanpa pendedahan terhadap kepercayaan lain, menyebabkan mereka kurang bersedia untuk mengendalikan perbincangan yang melibatkan interaksi antara agama secara berkesan.¹² Ketiadaan modul pengajaran yang neutral dan inklusif juga menyukarkan usaha pelaksanaan pendidikan antara-agama dalam bilik darjah. Tambahan pula, kajian empirikal mengenai impak pendidikan multi-agama dan antara-agama di ASEAN masih terhad, menjadikannya sukar untuk mengukur sejauh mana pendekatan ini boleh memberikan kesan jangka panjang terhadap keharmonian sosial dan kestabilan politik.

⁵ Hermans, Chris AM. *Participatory learning: Religious education in a globalizing society*. Vol. 9. Brill, 2003.

⁶ Mohd Khambali, Khadijah, Mohd Zaidi Daud, and Andi Thahir. "Interreligious Education as an Approach to End Racism and Discrimination." *KnE Social Sciences* (2023): 111-123.

⁷ Moyaert, Marianne. "On the role of ritual in interfaith education." *Religious Education* 113, no. 1 (2018): 49-60.

⁸ Hermans, Chris AM. *Participatory learning: Religious education in a globalizing society*. Vol. 9. Brill, 2003.

⁹ Moyaert, Marianne. "On the role of ritual in interfaith education." 49-60.

¹⁰ Franken, Leni and Patrick Loobuyck. "The future of religious education on the Flemish school curriculum: a plea for integrative religious education for all." *Religious Education* 108, no. 5 (2013): 482-498.

¹¹ Cf. Article 6 of Ministry of Religious Education Regulation No. 16/2010 concerning the formulation of the content of the religious education curriculum.

¹² Franken, Leni and Patrick Loobuyck. "The future of religious education on the Flemish school curriculum: a plea for integrative religious education for all." 482-498.

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis secara sistematik penyelidikan yang telah dilakukan berkaitan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di ASEAN dalam tempoh dari tahun 2014 hingga 2024. Dengan menggunakan pendekatan *Systematic Literature Review (SLR)* (Tinjauan Literatur Sistematik), artikel ini berusaha untuk mengisi jurang penyelidikan yang wujud dalam bidang ini serta menyediakan gambaran komprehensif mengenai perkembangan pendidikan antara-agama di rantau ASEAN. Artikel ini juga bertujuan untuk menawarkan panduan kepada penggubal dasar dalam merangka strategi pendidikan yang lebih efektif, serta memperkasakan institusi pendidikan dalam membangunkan kurikulum yang lebih inklusif dan bersifat dialog.

Secara keseluruhan, artikel ini bukan sahaja menyumbang kepada perbincangan akademik, tetapi juga memberikan implikasi yang penting terhadap pembentukan dasar pendidikan di ASEAN. Jika sistem pendidikan agama terus mengekalkan pendekatan yang eksklusif tanpa membuka ruang kepada pemahaman dan interaksi antara agama, maka kita berisiko membentuk generasi yang lebih terasing daripada realiti sosial yang pelbagai. Namun, jika sistem pendidikan dapat berkembang ke arah yang lebih terbuka, dengan menekankan kepentingan dialog dan persefahaman antara agama, maka rantau ASEAN berpotensi untuk menjadi model dalam membina masyarakat yang inklusif dan harmoni. Oleh itu, persoalan utama yang perlu dijawab adalah sejauh mana sistem pendidikan di ASEAN bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan realiti masyarakat yang semakin pluralistik. Artikel ini bukan sekadar satu analisis akademik, tetapi satu seruan untuk perubahan dalam cara pendidikan agama diterapkan di rantau ini.

Pendidikan agama bukan lagi sekadar instrumen untuk memperkukuh identiti keagamaan sesuatu komuniti, tetapi juga harus berfungsi sebagai alat untuk membina keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk. Dalam dunia yang semakin kompleks dan saling berkait rapat, pendekatan pendidikan yang lebih inklusif bukan sahaja bermanfaat tetapi juga merupakan satu keperluan mendesak. Oleh itu, artikel ini diharap dapat memberikan perspektif baharu tentang bagaimana pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama boleh dijadikan sebagai salah satu strategi utama dalam memastikan kestabilan sosial dan keharmonian dalam masyarakat ASEAN.

Metodologi

Tinjauan Literatur Sistematik (*Systematic Literature Review, SLR*) mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan yang berstruktur dan teliti, yang melibatkan proses mencari, menilai, dan mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber secara sistematik bagi tujuan analisis penerbitan ilmiah.¹³ Penyelidikan ini perlu mematuhi protokol yang diiktiraf dalam pelaksanaan SLR bagi memastikan ketelusan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Proses pencarian dilakukan secara komprehensif melalui pangkalan data utama seperti *Web of Science (WoS)*, *Scopus*, *ScienceDirect* dan *Google Scholar* bagi mendapatkan sumber yang relevan dan berkualiti tinggi. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan berdasarkan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA)*. Pendekatan PRISMA digunakan untuk menilai

¹³ Triandini, Evi, Sadu Jayanatha, Arie Indrawan, Ganda Werla Putra, and Bayu Iswara. "Metode systematic literature review untuk identifikasi platform dan metode pengembangan sistem informasi di Indonesia." *Indonesian Journal of Information Systems* 1, no. 2 (2019): 63-77.

kualiti makalah yang diperoleh serta memastikan penyusunan dan pelaporan kajian dilakukan secara jelas dan sistematik.¹⁴

Dalam pelaksanaan SLR, terdapat empat langkah utama yang digunakan, iaitu mengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*), dan kemasukan (*inclusion*). Proses ini memastikan hanya kajian yang memenuhi kriteria pemilihan tertentu disertakan dalam analisis akhir seperti berikut:

1. Fasa Pengenalpastian (*Identification*)

Fasa pengenalpastian merujuk kepada proses mengenal pasti kata kunci utama bagi menentukan skop kajian yang jelas, sekali gus memastikan proses pencarian sumber lebih terfokus. Langkah ini merupakan fasa pertama dalam SLR, seperti yang digariskan dalam garis panduan PRISMA. Proses ini sekurang-kurangnya memerlukan satu pangkalan data utama bagi mengenal pasti artikel yang relevan dengan topik kajian.¹⁵ Oleh itu, pemilihan pangkalan data harus memenuhi kriteria yang ditetapkan, termasuk diiktiraf di peringkat antarabangsa, berindeks tinggi, dan mematuhi piawaian akademik yang digariskan oleh institusi pengajian tinggi.¹⁶

Dalam kajian ini, proses pencarian literatur dijalankan melalui akses kepada pangkalan data utama iaitu *Web of Science* (WoS) dan *Scopus*. *Google Scholar* turut digunakan sebagai pangkalan data sokongan bagi melengkapkan pencarian dan mendapatkan sumber yang mungkin tidak terkandung dalam pangkalan data utama.¹⁷ Bagi memastikan pencarian yang lebih komprehensif, pelbagai variasi istilah yang mempunyai maksud yang sama atau sinonim digunakan, seperti yang dicadangkan oleh Kamus Tesaurus melalui laman sesawang *Thesaurus.com*. Istilah-istilah ini kemudiannya diproses menggunakan fungsi *Field Code*, *Phrase Search*, *Wildcard*, dan *Operator Boolean* untuk meningkatkan ketepatan hasil carian seperti dalam **Jadual 1**.

Hasil daripada proses pencarian ini, sebanyak 380 penerbitan telah dikenal pasti, terdiri daripada 11 artikel daripada pangkalan data *WoS* dan 64 artikel daripada *Scopus*. Selain itu, pencarian secara manual melalui *Google Scholar* telah menghasilkan 305 artikel tambahan.

Namun, kesemua penerbitan yang diperoleh perlu melalui tapisan awal iaitu mengeluarkan penerbitan yang bertindih dan artikel tidak berkaitan. Hasil daripada tapisan awal mendapati sebanyak 260 penerbitan yang telah dikeluarkan disebabkan bertindih dan tidak berkaitan. Seterusnya, penerbitan yang tinggal perlu melalui proses saringan dalam fasa seterusnya bagi memastikan hanya artikel yang benar-benar relevan dengan objektif kajian dimasukkan dalam analisis akhir.

Jadual 1: Pencarian di Pangkalan Data Menggunakan 'Search Strings'

¹⁴ Moher, David, Alessandro Liberati, Jennifer Tetzlaff, and Douglas G. Altman. "Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement." *BMJ* 339 (2009).

¹⁵ Moher *et al.* "Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement."

¹⁶ Xiao, Yu and Maria Watson. "Guidance on conducting a systematic literature review." *Journal of Planning Education and Research* 39, no. 1 (2019): 93-112.

¹⁷ Yang, Kiduk and Lokman I. Meho. "Citation analysis: a comparison of Google Scholar, Scopus, and Web of Science." *Proceedings of the American Society for Information Science and Technology* 43, no. 1 (2006): 1-15.

Pangkalan Data	Search Strings
<i>Web Of Science</i>	"Multireligious Education" OR "Interreligious Education" OR "Religious Education" AND "Multifaith Education" OR "Interfaith Education"
<i>Scopus</i>	TITLE-ABS-KEY "Multifaith Education" OR "Interfaith Education" OR "Interfaith Elements" OR "Interfaith Learning" OR "Religious Education" AND "Multireligious Education" OR "Interreligious Education" OR "Interreligious learning" OR "Interreligious Elements"
<i>Google Scholar</i>	"Multifaith Education" OR "Interfaith Education" OR "Interfaith Learning" AND "Multireligious Education" OR "Interreligious Education" OR "Interreligious learning" OR "Religious Education" OR "Pendidikan Multi-Agama" OR "Pendidikan Antara-Agama"

2. Fasa Penapisan (*Screening*)

Setelah proses pengenalpastian (*identification*) selesai, semua penerbitan yang diperoleh disaring untuk memastikan hanya sumber yang relevan dan berkualiti tinggi dimasukkan dalam analisis. Sebanyak 119 penerbitan telah disingkirkan kerana pertindihan atau tidak memenuhi skop kajian.

Seterusnya, penerbitan yang tinggal akan melalui proses penapisan (*screening*), di mana hanya sumber yang memenuhi kriteria pemilihan akan dipilih. Dalam kajian ini, tiga kategori utama telah ditetapkan sebagai kriteria pemilihan:

- Akses: Penerbitan yang dapat diakses sehingga tahun 2024 sebagai tahun yang lengkap sahaja dipertimbangkan. Hasil carian sistematik menunjukkan bahawa hanya dalam tempoh 2014 hingga 2024 wujud penerbitan yang memenuhi ketiga-tiga kriteria tema, lokasi dan bahasa. Tiada penerbitan yang menepati ketiga-tiga kriteria tersebut ditemui sebelum tahun 2014, menjadikan tempoh tersebut sebagai satu had empirik dan bukan had arbitrari.
- Lokasi: Penerbitan yang berkaitan dengan kajian di negara-negara ASEAN diberi keutamaan.
- Bahasa: Hanya penerbitan dalam Bahasa Melayu atau Indonesia dan Bahasa Inggeris dipilih untuk memastikan pemahaman dan analisis yang lebih tepat.

Berdasarkan kriteria ini, sebanyak 102 penerbitan telah dikecualikan kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Akhirnya, hanya 18 penerbitan yang berjaya diakses dan melalui proses seterusnya iaitu kelayakan (*eligibility*) untuk dinilai secara lebih mendalam sebelum dimasukkan dalam analisis akhir.

3. Fasa Kelayakan (*Eligibility*)

Bagi memastikan penerbitan yang dipilih memenuhi piawaian yang telah ditetapkan dalam kajian ini, kesemua 18 artikel yang disaring melalui fasa sebelumnya telah disemak secara teliti. Proses semakan ini melibatkan penilaian terperinci terhadap beberapa bahagian utama dalam setiap artikel, termasuk:

- a. Tajuk: Untuk memastikan kesesuaian topik dengan objektif kajian yang ditetapkan.
- b. Abstrak: Untuk mendapatkan gambaran ringkas mengenai skop, metodologi, dan dapatan kajian.
- c. Dapatan: Untuk menilai sejauh mana hasil kajian menyumbang kepada pemahaman terhadap pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di ASEAN.
- d. Perbincangan: Untuk menilai ketepatan analisis serta sejauh mana artikel tersebut mengaitkan dapatan dengan perbincangan akademik sedia ada.

Setelah melalui proses penyemakan ini, didapati bahawa kesemua 18 penerbitan tetap dikekalkan untuk fasa seterusnya iaitu penilaian kualiti artikel di bawah fasa kemasukan (*inclusion*). Keputusan ini dibuat berdasarkan pematuhan artikel terhadap kriteria pemilihan serta nilai akademiknya dalam menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai topik kajian ini. Penilaian kualiti akan menentukan sejauh mana artikel yang terpilih memenuhi standard metodologi yang kukuh serta kesahihan dapatan yang boleh dipercayai untuk dianalisis dalam kajian ini.

4. Fasa Kemasukan (*Inclusion*)

Fasa ini melibatkan proses penilaian kualiti penerbitan yang dijalankan bagi memastikan metodologi dan analisis kajian yang dipilih saling berkaitan dan berada pada tahap yang memuaskan. Dalam kajian ini, semua penerbitan yang telah dikenal pasti akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- a. Adakah terdapat penerbitan yang membincangkan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama dalam konteks negara ASEAN dalam tempoh 2014 hingga 2024?
- b. Adakah terdapat kajian yang meneliti peranan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di ASEAN? (Q1)
- c. Adakah wujud penerbitan yang membincangkan usaha implementasi pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di peringkat sekolah? (Q2)

Bagi memastikan analisis dilakukan secara sistematik, setiap artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan akan dinilai berdasarkan sistem penandaan berikut:

- a. Y mewakili (Ya) – Artikel memenuhi kriteria yang dinilai.
- b. X mewakili (Tidak) – Artikel tidak memenuhi kriteria yang dinilai.


Seterusnya, semua artikel yang terpilih akan dikumpulkan dalam bentuk jadual untuk dianalisis berdasarkan aspek berikut:

- a. Penerbitan yang membincangkan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama dalam konteks ASEAN pada tahun 2016-2024.
- b. Penerbitan yang meneliti peranan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di ASEAN.

- c. Penerbitan yang mengkaji usaha implementasi pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di peringkat sekolah.

Proses ini akan memastikan hanya kajian yang benar-benar relevan dan berkualiti tinggi dimasukkan dalam analisis akhir, seterusnya memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai perkembangan dan keberkesanan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di rantau ASEAN.

Rajah 1: Carta Alir Literatur Bersistematik PRISMA



Sumber: Adaptasi dari Page MJ *et al.*¹⁸

¹⁸ Page MJ, McKenzie JE, Bossuyt PM, Boutron I, Hoffmann TC, Mulrow CD, *et al.* "The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews." *BMJ* 372, no. 17 (2021).

Dapatan dan Perbincangan

Bilangan Keseluruhan Mengikut Pecahan Tahun Kekinian

Sebanyak 18 artikel dan kertas kerja penyelidikan telah disenarai pendek setelah melalui proses saringan dan kelayakan. Daripada jumlah tersebut, 15 artikel telah diterima kerana memenuhi kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Manakala, 3 artikel telah dikecualikan kerana tidak menjawab persoalan kajian utama yang dirumuskan dalam kajian ini. Berikut merupakan senarai dapatan yang disusun dalam bentuk jadual (**Jadual 2**) untuk dianalisis dengan lebih lanjut:

Jadual 2: Penerbitan Yang Disenarai Pendek

No	Penulis	Tajuk dan Sumber	Negara	Tahun	QA	QA	QA	Terima/Tak
1.	Sulmi Badar, Asyraf Isyraqi Bin Jamil dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali	Inter-religious elements in <i>Pendidikan Islam KSSM</i> for the future of Islamic Religious Education in Malaysia. <i>Asia Pacific Journal of Educators and Education</i> , 39(2), 137-162	Malaysia	2024	Y	X	Y	Diterima
2.	Otniel Aurelius Nole dan Mariska Lauterboom	Potensi Pendidikan Interreligius Meminimalkan <i>Hate Speech</i> di Media Sosial. <i>Panangkaran: Jurnal Penelitian Agama dan Masyarakat</i> , 8(1), 123-146	Indonesia	2024	Y	Y	X	Diterima
3.	Dwi Prasetyo R. dan Aiunun Nadlif	Efektifitas Pembelajaran Pendidikan Multi Agama pada Perubahan Perilaku Pergaulan Bebas Siswa Kelas XI SMKN 1 Negara Kabupaten Jembrana Provinsi Bali." <i>Academicia Globe: Inderscience Research</i> , 1(1)	Indonesia	2023	Y	Y	X	Diterima

4.	Khadijah Mohd Khambali, Mohd Zaidi Daud dan Andi Thahir	Interreligious Education as an Approach to End Racism and Discrimination." <i>KnE Social Sciences</i> , 111-123	Malaysia	2023	Y	Y	X	Diterima
5.	Daimah	Interreligious Education: Development of Religious Moderation in The Education Sector. <i>Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid</i> , 25(2), 84-96	Indonesia	2022	X	Y	Y	Diterima
6.	Arhanuddin Salim	Mainstreaming Interfaith Education: Countering Radicalism by The Innovation of Model Interfidei Schools. <i>EDUKASI: Jurnal Penelitian Pendidikan Agama Dan Keagamaan</i> , 20(3), 252-261	Indonesia	2022	Y	Y	X	Diterima
7.	Riza Muhammad dan Imronudin	Pendidikan Interelijiustitas: Wacana Moderasi Beragama Di Ruang Publik. <i>Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin</i> , 8(1), 77-91	Indonesia	2022	Y	Y	X	Diterima
8.	Muh. Ramoen Manahung, Najamuddin Petta Solong, Rinaldi Datunsolong, Roy Hasiru dan Apris A. Tilome	The Strategy of Interfaith Education Figures in Managing Religious Tolerance in Banuroja Village, Gorontalo. <i>Interdisciplinary Social Studies</i> , 2(2), 1641-1650	Indonesia	2022	Y	Y	X	Diterima
9.	Pratiwi Tri Utami	Raising religious inherency: The role of interreligious	Indonesia	2022	Y	X	X	Ditolak

		competence in achieving religious education equality in multireligious public schools in Indonesia. <i>Humanities and Social Sciences Communications</i> , 9(1), 1-12						
10.	Javad Fakhkhar Toosi dan Asyraf Isyraqi Bin Jamil	Multi-Religious Education from the Perspective of Islamic Teachings Compared to the Pluralist Model. <i>Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam</i> , 23(1), 279-308	Malaysia	2021	Y	X	X	Diterima
11.	Nur Ali, Benny Afwadzi, Irwan Abdullah dan Muhammad Islahul Mukmin	Interreligious literacy learning as a counter-radicalization method: A new trend among institutions of Islamic higher education in Indonesia. <i>Islam and Christian-Muslim Relations</i> , 32(4), 383-405	Indonesia	2021	Y	Y	X	Diterima
12.	Eckhard Zemmrich	Making sense of shifts in perspectives: Perceiving and framing examples of interreligious learning in Indonesia. <i>Islam and Christian-Muslim Relations</i> , 31(2), 151-172	Indonesia	2020	Y	Y	X	Ditolak
13.	Zuyyina Candra Kirana	Pendidikan Interreligius Berbasis Pancasila Sebagai Acuan Melawan Stigma Menguatnya Radikalisme. <i>MOMENTUM: Jurnal Sosial dan Keagamaan</i> , 9(1), 150-169	Indonesia	2020	Y	Y	X	Diterima

14.	Khasan Bisri dan Karwadi	Interreligious Education Model in Senior High School (SMA) Bopkri 1 Yogyakarta. <i>Sunan Kalijaga International Journal on Islamic Educational Research</i> , 2(1), 60-84	Indonesia	2018	Y	Y	X	Diterima
15.	Siti Rohmah <i>et al.</i>	The recontextualization of Islamic peace education: A study of the theory of Mohammed Abu-Nimer in the Indonesian context. <i>Fieldwork in Religion</i> , 13(2), 183-202	Indonesia	2018	Y	X	X	Ditolak
16.	Na'imah, Sukiman dan Indra Fajar Nurdin	Developing the model of inclusive religious education at Indonesia and Thailand elementary schools. <i>IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)</i> , 7(5), 63-67	Indonesia	2017	Y	Y	X	Diterima
17.	Otniel Aurelius Nole dan Serdianus	Pendidikan Interreligius Berbasis Moderasi Beragama Untuk Membentuk Karakter Bangsa. <i>Melo: Jurnal Studi Agama-agama</i> , 3(2), 90-106	Indonesia	2017	Y	Y	X	Diterima
18.	Kamaruddin Salleh dan Yang Marya Abd Khahar	Unsur-unsur persefahaman antara agama dalam kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. <i>Islamiyyat</i> , 38(2), 111-120	Malaysia	2016	Y	X	Y	Diterima
19.	Lyn Parker	Religious education for peaceful coexistence	Indonesia	2014	Y	X	Y	Diterima

		in Indonesia?						
--	--	---------------	--	--	--	--	--	--

QA = Penilaian Kualiti; Y = Ya; X = Tidak

Jadual 3: Pecahan Kajian Mengikut Tahun Kekinian

Tahun	Bilangan
2024	2
2023	2
2022	5
2021	2
2020	2
2019	0
2018	2
2017	2
2016	1
2014	1
Jumlah	19

Berdasarkan 16 penerbitan yang diterima dan 3 penerbitan yang ditolak mengenai pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di ASEAN dalam tempoh 2014 hingga 2024 seperti dalam **Jadual 3** di atas, analisis menunjukkan bahawa penyelidikan dalam bidang ini masih sangat terhad dan tertumpu hanya di dua negara, iaitu Indonesia dan Malaysia seperti mana dapat dilihat pada **Jadual 2**. Ketiadaan penerbitan daripada negara-negara ASEAN lain seperti Thailand, Filipina, Vietnam, dan Myanmar menimbulkan persoalan kritikal mengenai tahap kesedaran akademik serta keutamaan dasar pendidikan berkenaan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di rantau ini. Situasi ini membangkitkan persoalan lebih mendalam tentang sejauh mana pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama diakui sebagai instrumen penting dalam membina keharmonian sosial dan kestabilan serantau.

Analisis pecahan penerbitan mengikut tahun menunjukkan peningkatan yang tidak konsisten dalam jumlah kajian berkaitan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di ASEAN. Walaupun terdapat lonjakan penerbitan dalam tahun-tahun tertentu, trend ini tidak menggambarkan peningkatan progresif atau kesinambungan kajian yang kukuh. Sebahagian besar penerbitan berlaku antara 2021 hingga 2024, menunjukkan kebangkitan wacana akademik dalam tempoh terkini, namun sebelum tahun 2020, kajian dalam bidang ini masih agak terbatas. Ketiadaan penerbitan pada tahun 2019 menimbulkan persoalan sama ada wacana ini masih belum berkembang secara konsisten atau terdapat faktor lain yang menghalang perkembangan kajian dalam bidang ini. Ini juga mengundang persoalan mengenai faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kajian dalam tempoh tertentu dan mengapa terdapat ketidakwujudan kajian dalam tahun-tahun lain.

Peningkatan penerbitan pasca-2020 mungkin boleh dikaitkan dengan kesedaran yang lebih tinggi terhadap kepentingan dialog antara agama dan pendidikan multi-agama, terutamanya

selepas beberapa peristiwa global yang memperlihatkan ancaman ekstremisme serta ketegangan agama. Di samping itu, pandemik COVID-19 yang bermula pada akhir 2019 hingga 2021 turut memberi kesan kepada corak penerbitan dalam bidang ini. Dengan banyak kajian dan pembelajaran berpindah ke platform digital, kesedaran tentang pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama mungkin meningkat dalam konteks dunia maya, sekali gus mendorong pertambahan penyelidikan dalam tempoh ini. Namun, persoalan yang lebih mendalam ialah adakah pertumbuhan penerbitan ini hanya bersifat reaktif terhadap isu semasa atau benar-benar mencerminkan perubahan jangka panjang dalam agenda pendidikan di ASEAN?

Ketidakseimbangan dalam jumlah penerbitan sepanjang tempoh 2014–2024 menunjukkan bahawa pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama masih belum menjadi fokus utama dalam penyelidikan akademik di ASEAN. Walaupun kajian mengenai pendidikan Islam,¹⁹ pendidikan moral,²⁰ dan hubungan antara agama²¹ telah lama wujud, kajian yang secara khusus meneliti pendekatan sistematik pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama dalam sistem pendidikan formal masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Ini menimbulkan persoalan tentang faktor utama yang menyebabkan jurang ini. Apakah kekurangan pembiayaan dan sokongan institusi akademik terhadap kajian dalam bidang ini menjadi penghalang utama? Atau adakah terdapat keengganan politik dan sosial dalam beberapa negara ASEAN untuk membuka ruang kepada dialog akademik tentang pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama? Jika pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama benar-benar diiktiraf sebagai instrumen sosial yang penting untuk kestabilan dan keharmonian di ASEAN, mengapa jumlah penerbitan masih begitu terhad dan tidak berkembang secara konsisten?

Salah satu dapatan paling ketara dalam analisis ini ialah hakikat bahawa hanya Indonesia dan Malaysia yang menghasilkan kajian dalam bidang ini, dengan Indonesia mendominasi penerbitan sebanyak 11 artikel, manakala Malaysia jauh ketinggalan dengan hanya 4 artikel seperti dalam **Jadual 2**. Dominasi Indonesia dalam bidang ini menimbulkan persoalan sama ada ia mencerminkan tuntutan sejarah negara tersebut atau merupakan strategi pendidikan yang lebih tersusun dalam menginstitusikan pendidikan multi agama dan pendidikan antara-agama. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada keaktifan Indonesia dalam bidang ini ialah sejarah konflik agama yang lebih kompleks dan mencabar berbanding Malaysia. Dengan rekod ketegangan antara agama yang lebih tinggi,²² tambahan pula ideologi Negara Pancasila Indonesia mempunyai keperluan mendesak untuk membangunkan dasar pendidikan yang menggalakkan toleransi, dialog antara agama, dan pembinaan harmoni sosial.²³ Justeru, peningkatan penerbitan akademik mengenai pendidikan antara-agama di Indonesia mungkin bukan hanya berkembang atas dasar kesedaran akademik semata-mata, tetapi juga sebagai refleksi kepada keperluan praktikal untuk menangani realiti sosial yang berlaku di negara

¹⁹ Omar, Noraini and Mohd Aderi Che Noh. "Kepelbagaian elemen budaya dalam pengajaran pendidikan islam: isu dan kepentingan." *O-JIE: Online Journal of Islamic Education* 3 (2017): 1-11.

²⁰ Abidin, A. Mustika. "Pendidikan moral dan relevansinya dengan pendidikan Islam." *Jurnal Paris Langkis* 2, no. 1 (2021): 57-67.

²¹ Mat Zain, Aemy Elyani, Haslina Ibrahim, Nazneen Ismail, Safinah Ismail, Nur Aisyah Abu Hassan, and Fatin Farzana Dass Meral. "Isu Antara Agama: Sorotan Awal Kemerosotan Toleransi Agama Malaysia." *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 11, no. 2 (2024): 1-14.

²² Nurhakim, Nasrun, Muhamad Irfan Adriansyah, and Dinnie Anggraeni Dewi. "Intoleransi Antar Umat Beragama Di Indonesia." *MARAS: Jurnal Penelitian Multidisiplin* 2, no. 1 (2024): 50-61.

²³ Kirana, Zuyyina Candra. "Pendidikan Interreligius Berbasis Pancasila Sebagai Acuan Melawan Stigma Menguatnya Radikalisme." *MOMENTUM: Jurnal Sosial dan Keagamaan* 9, no. 1 (2020): 150-169.

tersebut.²⁴ Namun, terdapat persoalan yang lebih besar: adakah peningkatan penerbitan ini benar-benar diterjemahkan dalam dasar pendidikan nasional? Adakah sistem pendidikan di Indonesia benar-benar telah menginstitusikan pendidikan antara-agama sebagai komponen penting dalam kurikulumnya, atau adakah kajian ini hanya berkembang dalam wacana akademik tanpa implementasi yang konkrit?

Dalam konteks Malaysia, penerbitan akademik dalam pendidikan antara-agama adalah jauh lebih terhad meskipun negara ini juga mempunyai kepelbagaian agama yang signifikan. Kelemahan ini mungkin berpunca daripada struktur pendidikan negara yang lebih menekankan pendidikan Islam sebagai elemen utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pendidikan Islam di Malaysia lebih menumpukan kepada pembinaan akidah dan syariah Islam, dengan sedikit ruang untuk dialog antara agama dalam kurikulum arus perdana. Selain itu, sensitiviti politik dan masyarakat terhadap perbincangan mengenai pendidikan antara-agama mungkin menjadi faktor yang menyebabkan kajian dalam bidang ini berkembang lebih perlahan berbanding di Indonesia. Namun, adakah ini bermakna Malaysia tidak memerlukan pendidikan antara-agama dalam sistem pendidikannya? Atau adakah negara ini masih belum membuka ruang akademik yang mencukupi untuk perbincangan yang lebih kritikal mengenai pendekatan ini?

Berdasarkan analisis pecahan penerbitan mengikut tahun, beberapa implikasi dapat dirumuskan. Peningkatan kajian yang berlaku secara tidak konsisten menunjukkan bahawa pendidikan antara-agama masih belum diinstitusikan secara sistematik dalam agenda pendidikan nasional di kebanyakan negara ASEAN. Kajian yang diterbitkan masih lebih bersifat reaktif terhadap isu semasa daripada menjadi sebahagian daripada dasar pendidikan yang bersepadu. Oleh itu, perlu ada lebih banyak kajian empirik yang menilai impak pendidikan multi-agama dalam membina keharmonian sosial. Selain itu, ketiadaan penerbitan dari negara-negara ASEAN selain Indonesia dan Malaysia menunjukkan bahawa isu pendidikan antara-agama masih belum mendapat perhatian serius dalam wacana akademik mereka. Kajian masa depan perlu meneliti sama ada ketiadaan kajian ini berpunca daripada kurangnya minat akademik atau wujudnya halangan sosial dan politik dalam membincangkan isu ini secara terbuka.

Sebagai tambahan, kebanyakan kajian yang diterbitkan lebih bersifat konseptual dan berbentuk perbincangan teori tanpa penilaian empirik terhadap kesan pendidikan multi-agama dalam sistem pendidikan nasional. Oleh itu, kajian masa depan perlu memberi tumpuan kepada bagaimana dasar pendidikan antara-agama boleh diintegrasikan dalam kurikulum sekolah secara berkesan serta bagaimana ia dapat memberi kesan yang signifikan kepada pembentukan masyarakat yang lebih inklusif. Corak penerbitan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama dalam tempoh 2016 hingga 2024 menunjukkan bahawa bidang ini masih berada pada tahap perkembangan awal di ASEAN. Walaupun terdapat peningkatan penerbitan dalam beberapa tahun terakhir, ketiadaan konsistensi dalam jumlah kajian serta keterbatasan negara yang menghasilkan kajian menunjukkan bahawa pendidikan antara-agama masih belum diinstitusikan sebagai agenda pendidikan utama di rantau ini. Oleh itu, perlu ada usaha lebih sistematik untuk menjadikan kajian ini sebagai asas kepada pembentukan dasar pendidikan yang lebih inklusif dan progresif di ASEAN.

²⁴ Nole, Otniel Aurelius dan Serdianus. "Pendidikan Interreligius Berbasis Moderasi Beragama Untuk Membentuk Karakter Bangsa." *Melo: Jurnal Studi Agama-agama* 3, no. 2 (2023): 90-106.

Peranan Pendidikan Multi-Agama dan Pendidikan Antara-Agama

Berdasarkan hasil kajian, secara keseluruhannya, pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama berperanan penting dalam membentuk keharmonian sosial serta mengurangkan konflik, terutamanya dalam konteks negara-negara ASEAN yang mempunyai masyarakat yang berbilang agama dan etnik. Analisis daripada penerbitan yang dikaji menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan pendidikan ini bukan sekadar bertujuan memperkenalkan ajaran agama yang berbeza, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme yang memperkukuhkan toleransi, mengurangkan prasangka, serta membina rasa hormat yang mendalam terhadap kepelbagaian kepercayaan dalam masyarakat.²⁵ Dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat yang pesat, peranan pendidikan dalam mempersiapkan generasi muda untuk berhadapan dengan cabaran hubungan antara agama semakin mendesak, khususnya apabila wacana keagamaan sering kali dieksploitasi untuk kepentingan politik dan ideologi yang boleh membawa kepada polarisasi sosial.

Pendidikan multi-agama dalam konteks ini bukan sekadar bertindak sebagai ruang akademik untuk memahami pelbagai sistem kepercayaan, tetapi juga memainkan peranan yang lebih luas dalam membentuk nilai dan etika sosial yang mampu mengawal gejala sosial yang semakin membimbangkan. Kajian menunjukkan bahawa salah satu fungsi utama pendidikan multi-agama ialah memperkukuhkan nilai moral dan etika dalam kalangan pelajar melalui penghayatan ajaran agama yang bersifat universal seperti integriti, penghormatan terhadap sesama manusia, serta tanggungjawab sosial. Pendidikan yang berteraskan nilai-nilai agama yang pelbagai berupaya berfungsi sebagai benteng dalam menangani masalah sosial seperti hubungan luar nikah, penyalahgunaan dadah, dan tingkah laku berisiko yang semakin menular dalam kalangan generasi muda.²⁶ Dengan menonjolkan kesamaan nilai-nilai asas antara agama seperti kesucian diri, disiplin sendiri dan kesejahteraan sosial, pendidikan multi-agama berpotensi menjadi instrumen yang efektif dalam membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan bermoral tinggi. Namun begitu, persoalan yang lebih kritikal ialah sejauh mana keberkesanan pendidikan multi-agama dalam menangani cabaran sosial ini jika sistem pendidikan sedia ada masih berpaksikan pendekatan yang bersifat eksklusif dan tidak memberi ruang kepada kefahaman silang agama secara lebih terbuka?

Dalam konteks yang berbeza, pendidikan antara-agama pula memainkan peranan yang signifikan dalam menangani fenomena polarisasi sosial yang semakin memburuk akibat penyebaran ucapan kebencian yang berkait dengan agama. Dengan perkembangan teknologi digital dan dominasi media sosial dalam kehidupan seharian, kebebasan bersuara sering kali disalahgunakan sehingga menjadi saluran kepada penyebaran stereotaip negatif dan prejudis terhadap penganut agama yang berbeza. Dalam situasi ini, pendidikan antara-agama menawarkan pendekatan yang lebih interaktif dengan menggalakkan dialog dan perbincangan secara rasional antara individu yang berlainan kepercayaan. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai pengalaman berinteraksi dengan individu daripada latar belakang agama yang berbeza lebih cenderung untuk memahami dan menghormati perbezaan kepercayaan, sekali gus mengurangkan kecenderungan untuk menzahirkan kebencian melalui ucapan atau tingkah laku

²⁵ Daimah. "Interreligious Education: Development of Religious Moderation in The Education Sector." *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* 25, no. 2 (2022): 84-96.

²⁶ Prasetyo, Dwi, and Aiunun Nadlif. "Efektifitas Pembelajaran Pendidikan Multi Agama pada Perubahan Perilaku Pergaulan Bebas Siswa Kelas XI SMKN 1 Negara Kabupaten Jembrana Provinsi Bali." *Academicia Globe: Inderscience Research* 1, no. 1 (2023).

diskriminatif.²⁷ Namun, cabaran utama yang timbul ialah bagaimana pendidikan antara-agama dapat diinstitusikan secara sistematik dalam sistem pendidikan formal tanpa menimbulkan sensitiviti dalam masyarakat yang masih kuat berpegang kepada eksklusiviti kepercayaan masing-masing? Adakah pendidikan antara-agama mampu berfungsi secara efektif dalam menangani fenomena ucapan kebencian jika persekitaran sosial dan politik di sesetengah negara masih tidak memberi ruang kepada wacana silang agama yang terbuka?

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama bukan sekadar instrumen akademik, tetapi juga mekanisme sosial yang berperanan dalam membentuk keharmonian masyarakat. Kedua-duanya menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih terbuka, toleran, dan inklusif dengan menekankan pemahaman silang agama yang mendalam serta penghormatan terhadap perbezaan kepercayaan. Pendidikan multi-agama berfungsi sebagai benteng terhadap gejala sosial dengan menginstitusikan nilai-nilai agama yang positif, manakala pendidikan antara-agama menjadi alat yang kritikal dalam menangani kebencian berasaskan agama yang semakin berleluasa di media sosial dan ruang awam. Namun, persoalan yang masih belum terjawab ialah sejauh mana keberkesanan pendidikan ini dalam konteks sebenar masyarakat ASEAN, dan adakah terdapat komitmen politik serta institusi pendidikan yang mencukupi untuk memastikan kedua-dua pendekatan ini benar-benar memberi impak yang signifikan dalam membentuk masyarakat yang lebih harmoni? Oleh itu, keperluan untuk penyelidikan yang lebih mendalam mengenai pelaksanaan sebenar pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di negara-negara ASEAN adalah amat mendesak bagi memahami sejauh mana pendekatan ini bukan sahaja relevan dari sudut teori, tetapi juga boleh berfungsi sebagai strategi pendidikan yang berkesan dalam menangani cabaran sosial dan keagamaan yang semakin kompleks.

Usaha Implementasi Pendidikan Multi-Agama dan Pendidikan Antara-Agama di Peringkat Sekolah

Implementasi pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di peringkat sekolah merupakan satu usaha yang semakin mendapat perhatian dalam wacana akademik dan dasar pendidikan, khususnya dalam konteks masyarakat yang semakin plural dan berbilang agama. Kajian mendapati bahawa pelaksanaan pendidikan multi-agama dalam konteks Islam memberi penekanan kepada keseimbangan dalam mempromosikan toleransi dan keharmonian antara penganut agama yang berbeza.²⁸ Dalam era globalisasi yang menyaksikan interaksi yang lebih luas antara masyarakat pelbagai latar belakang kepercayaan, keperluan untuk membangunkan kurikulum yang lebih inklusif menjadi semakin mendesak. Pendidikan multi-agama tidak sekadar bertujuan memperkenalkan kefahaman mengenai ajaran agama lain tetapi berfungsi sebagai alat untuk membentuk masyarakat yang mampu menghormati kepelbagaian tanpa mengorbankan prinsip keagamaan yang dipegang.²⁹

²⁷ Nole, Otniel Aurelius, and Mariska Lauterboom. "Potensi Pendidikan Interreligius Meminimalkan *Hate Speech* di Media Sosial." 123-146.

²⁸ Mohd Khambali, Khadijah, Mohd Zaidi Daud, and Andi Thahir. "Interreligious Education as an Approach to End Racism and Discrimination." 111-123.

²⁹ Toosi, Javad Fakhkhar and Asyraf Isyraqi Jamil. "Multi-Religious Education from the Perspective of Islamic Teachings Compared to the Pluralist Model." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23, no. 1 (2021): 279-308.

Dalam Islam, perbezaan agama diiktiraf sebagai ketentuan Tuhan, seperti yang ditegaskan dalam Surah al-Hujurat ayat 13, yang menyatakan bahawa kepelbagaian manusia bertujuan untuk saling mengenal dan memahami. Dalam konteks ini, pendidikan multi-agama tidak bertujuan menyamakan agama-agama yang wujud, tetapi lebih kepada mewujudkan suasana pembelajaran yang membolehkan interaksi yang harmoni dan penuh penghormatan antara penganut agama yang berbeza.³⁰

Walaupun terdapat kesedaran mengenai kepentingan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama, kajian mendapati bahawa implementasi unsur-unsurnya dalam mata pelajaran pendidikan agama di sekolah masih berdepan dengan pelbagai keterbatasan. Kurikulum pendidikan agama di kebanyakan negara masih cenderung memberi penekanan kepada ajaran agama yang dominan, seperti Islam dalam konteks Malaysia dan Indonesia, tanpa menyediakan ruang yang mencukupi untuk perbincangan yang lebih luas mengenai agama lain. Pendidikan agama masih diajarkan dalam kerangka yang bersifat *mono-religious*, di mana fokus utama diberikan kepada pembinaan kefahaman dan pengukuhan identiti agama masing-masing, tetapi kurang memberi peluang kepada pemahaman silang agama yang lebih mendalam. Implikasi daripada pendekatan ini adalah pelajar kurang didedahkan kepada perbincangan yang bersifat interaktif dan dialog dengan penganut agama lain, yang sepatutnya menjadi elemen penting dalam pembentukan nilai toleransi dan penghormatan terhadap kepelbagaian.

Dalam usaha memperkukuh pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama di peringkat sekolah, terdapat desakan yang semakin berkembang untuk merombak sistem pendidikan agama agar lebih inklusif, dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih bersifat *multi-religious* dan *inter-religious*. Pendekatan *mono-religious* yang selama ini menjadi tunjang dalam sistem pendidikan, di mana pengajaran agama hanya tertumpu kepada satu agama sahaja, semakin dianggap tidak lagi mencukupi dalam membentuk generasi yang bersedia untuk berinteraksi dalam masyarakat yang bersifat plural. Oleh itu, pendekatan *multi-religious* yang memberi ruang kepada pemahaman mengenai pelbagai agama yang wujud dalam masyarakat mula dilihat sebagai alternatif yang lebih berkesan. Dalam pendekatan ini, pelajar tidak hanya diajar mengenai ajaran agama mereka sendiri, tetapi turut diperkenalkan kepada prinsip-prinsip asas agama lain bagi mengurangkan stereotaip, prejudis, dan ketegangan yang berpunca daripada ketidaktahuan terhadap agama lain. Walaupun pendekatan ini menjanjikan manfaat dalam memupuk sikap saling menghormati dan kerjasama antara penganut agama yang berbeza, pelaksanaannya masih berdepan dengan cabaran besar, terutamanya dari segi penerimaan masyarakat dan dasar pendidikan negara yang berbeza-beza mengikut konteks politik dan budaya setiap negara.

Selain itu, pendekatan *inter-religious* yang menekankan dialog langsung antara pelajar dari pelbagai latar belakang agama juga semakin mendapat perhatian sebagai mekanisme yang lebih aktif dalam membentuk kesedaran dan kefahaman silang agama. Berbeza dengan pendekatan *multi-religious* yang lebih berorientasikan pemindahan ilmu tentang agama lain, pendekatan *inter-religious* memberi penekanan kepada interaksi dan perbincangan antara pelajar yang berlainan kepercayaan, sekali gus menggalakkan pertukaran perspektif dan refleksi yang lebih kritikal mengenai persamaan dan perbezaan antara agama. Dalam konteks pendidikan formal, pelaksanaan pendekatan ini masih berdepan dengan cabaran besar, terutamanya dari segi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan bebas daripada ketegangan yang

³⁰ Bisri, Khasan and Karwadi. "Interreligious Education Model in Senior High School (SMA) Bopkri 1 Yogyakarta." *Sunan Kalijaga International Journal on Islamic Educational Research* 2, no. 1 (2018): 60-84.

boleh timbul akibat perbezaan kepercayaan.³¹ Persoalan utama yang timbul adalah sejauh mana institusi pendidikan bersedia untuk membuka ruang kepada perbincangan silang agama dalam kurikulum yang telah sekian lama bersifat *mono-religious*, dan adakah masyarakat benar-benar bersedia untuk menerima perubahan ini tanpa melihatnya sebagai ancaman kepada identiti keagamaan masing-masing?

Perubahan dari pendekatan *mono-religious* kepada pendekatan *multi-religious* dan *inter-religious* dalam pendidikan agama di sekolah mencerminkan keperluan untuk menyesuaikan sistem pendidikan dengan realiti masyarakat yang semakin global dan berbilang agama.³² Cabaran utama dalam peralihan ini bukan hanya terletak pada aspek pedagogi, tetapi juga dalam memastikan dasar pendidikan negara bersedia untuk menyokong inisiatif yang lebih terbuka terhadap kepelbagaian agama. Dalam konteks ASEAN, di mana kepekaan terhadap agama masih menjadi faktor utama dalam pembentukan dasar pendidikan, usaha untuk menginstitusikan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama memerlukan strategi yang berhati-hati agar tidak menimbulkan reaksi yang boleh membawa kepada ketegangan sosial. Namun, jika matlamat utama pendidikan adalah untuk membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni, maka pendekatan yang lebih terbuka terhadap pendidikan agama harus dilihat sebagai satu keperluan dan bukan sekadar pilihan.³³

Dalam analisis yang lebih kritikal, walaupun terdapat momentum ke arah pendidikan agama yang lebih inklusif, persoalan utama yang masih belum terjawab ialah sejauh mana keberkesanan usaha implementasi ini dalam konteks realiti sosial dan politik setiap negara. Adakah perubahan dalam pendekatan pendidikan agama ini benar-benar diterjemahkan dalam kurikulum dan amalan pengajaran di sekolah, atau adakah ia masih sekadar wacana akademik yang belum mendapat legitimasi dalam dasar pendidikan nasional? Sejauh mana penerimaan masyarakat dan sokongan institusi pendidikan terhadap pendekatan ini juga perlu dikaji dengan lebih mendalam, terutamanya dalam memahami sama ada pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama dapat dilaksanakan tanpa menimbulkan konflik dengan sistem nilai yang telah lama berakar dalam masyarakat. Oleh itu, meskipun usaha ke arah implementasi pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama semakin mendapat perhatian, cabaran sebenar masih terletak pada bagaimana ia dapat diterapkan dalam sistem pendidikan dengan cara yang lebih menyeluruh, sistematik, dan diterima oleh masyarakat tanpa mengorbankan kestabilan sosial dan identiti keagamaan yang telah sedia ada.

Kekuatan dan Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kekuatan yang menyumbang kepada ketekalan dan kebolehpercayaannya. Penggunaan pendekatan Tinjauan Literatur Sistematik (Systematic Literature Review, SLR) yang berasaskan protokol PRISMA membolehkan pencarian, saringan, dan analisis sumber dilakukan secara sistematik, berstruktur, dan telus. Pemilihan artikel

³¹ Badar, Sulmi, Asyraf Isyraqi Bin Jamil, and Khadijah Mohd Khambali@Hambali. Inter-religious elements in Pendidikan Islam KSSM for the future of Islamic Religious Education in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 39, no. 2 (2024): 137-162.

Salleh, Kamarudin and Yang Marya Abd Khahar. "Unsur-unsur persefahaman antara agama dalam kurikulum Pendidikan Islam dan Moral." *Islamiyyat* 38, no. 2 (2016): 111-120.

³² Badar, Sulmi, Asyraf Isyraqi Bin Jamil, and Khadijah Mohd Khambali@Hambali. Inter-religious elements in Pendidikan Islam KSSM for the future of Islamic Religious Education in Malaysia. 137-162.

³³ Daimah. Interreligious Education: Development of Religious Moderation in The Education Sector. 85-96.

daripada pangkalan data bereputasi tinggi seperti Web of Science (WoS), Scopus, dan Google Scholar mengukuhkan kualiti literatur yang dianalisis. Selain itu, fokus kepada penerbitan terkini dalam tempoh 2014 hingga 2024 menjadikan dapatan kajian ini relevan dengan perkembangan semasa dalam wacana pendidikan multi-agama dan antara-agama di rantau ASEAN.

Namun begitu, kajian ini tidak terlepas daripada beberapa limitasi yang wajar diakui. Pertama, keterhadapan skop geografi yang hanya melibatkan Indonesia dan Malaysia membataskan gambaran menyeluruh mengenai amalan pendidikan multi-agama dan antara-agama di seluruh ASEAN. Kedua, bilangan kajian yang dianalisis masih terhad dan sebahagian besar bersifat konseptual tanpa kajian lapangan atau penilaian empirik yang komprehensif. Ketiga, kekangan tempoh masa kajian yang memfokuskan kepada lapan tahun terakhir mungkin tidak cukup untuk mengesan trend perkembangan jangka panjang dalam bidang ini.

Sehubungan itu, kajian masa hadapan disarankan untuk memperluaskan liputan geografi merangkumi lebih banyak negara ASEAN, mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan berbentuk kajian lapangan, serta menilai keberkesanan pendidikan multi-agama dan pendidikan antara-agama secara lebih mendalam dalam konteks realiti sosial dan politik tempatan. Pendekatan ini diharap dapat memperkaya dapatan empirikal dan menyumbang kepada pembangunan dasar pendidikan yang lebih inklusif dan dialogik di rantau ASEAN.

Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan walaupun pendidikan multi-agama dan antara-agama semakin mendapat perhatian dalam wacana akademik dan dasar pendidikan ASEAN, pelaksanaannya masih berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk dominasi sistem pendidikan mono-agama, kepekaan politik, dan kekurangan tenaga pengajar yang kompeten. Walaupun terdapat potensi besar dalam membentuk masyarakat inklusif melalui pendidikan ini, inisiatif yang diambil masih bersifat terpinggir dan tidak diurus perdana dalam kebanyakan negara ASEAN. Implikasi kajian ini menekankan keperluan untuk melakukan reformasi dalam kurikulum pendidikan yang lebih terbuka dan bersifat dialogik bagi menggalakkan toleransi serta pemahaman terhadap kepelbagaian agama. Kajian lanjutan diperlukan untuk menilai keberkesanan pendekatan ini secara empirikal, mengenal pasti faktor penghalang pelaksanaannya, serta meneroka strategi pedagogi yang sesuai untuk memastikan pendidikan antara-agama dapat dilaksanakan secara efektif. Di samping itu, dengan memanfaatkan perkembangan teknologi digital, pendidikan multi-agama dan antara-agama perlu diperkukuhkan untuk mengurangkan polarisasi sosial dan menggalakkan pemikiran yang lebih kritikal serta inklusif dalam perbincangan agama.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (MoHE) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FRGS/1/2022/SSI07/UM/02/17, FRGS FP049-2022.

Rujukan

- Ahmad Mohamed Ibrahim. *The Legal Status of the Muslims in Singapore*. Singapore: Malayan Law Journal Ltd, 1965.
- Ahmad, K. ., Zainal Abidin, M. S. ., Abdullah, M., Md Zin@Zakaria, S. R. ., Md Ariffin, M. F., & Mohd Fadzil, A. Z. (2024). Identifikasi Kajian-Kajian Berkaitan Intervensi Preventif Bagi

- Pedofilia Berdasarkan Systematic Literature Review, *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 11(1), 167–194
- Abidin, A. Mustika. "Pendidikan moral dan relevansinya dengan pendidikan Islam." *Jurnal Paris Langkis* 2, no. 1 (2021): 57-67.
- Afifuddin and Ismail Hj Ishak. "Inclusive Religion Education In Building Tolerance From School." *Journal of Research and Multidisciplinary* 3, no. 2 (2020): 337-347.
- Badar, S., Bin Jamil, A. I., & Mohd Khambali@Hambali, K. Inter-religious elements in Pendidikan Islam KSSM for the future of Islamic Religious Education in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 39, no. 2 (2024): 137-162.
- Benny, Guido and Ravichandran Moorthy. "Cabaran Pembinaan Komuniti Asean: Analisis Persepsi Awam Di Tiga Negara Asean." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 42, no. 2 (2015).
- Bisri, Khasan, and Karwadi. "Interreligious Education Model in Senior High School (SMA) Bopkri 1 Yogyakarta." *Sunan Kalijaga International Journal on Islamic Educational Research* 2, no. 1 (2018): 60-84.
- Cf. Article 6 of Ministry of Religious Education Regulation No. 16/2010 concerning the formulation of the content of the religious education curriculum.
- Daimah. "Interreligious Education: Development of Religious Moderation in The Education Sector." *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* 25, no. 2 (2022): 84-96.
- Franken, Leni, and Patrick Loobuyck. "The future of religious education on the Flemish school curriculum: a plea for integrative religious education for all." *Religious Education* 108, no. 5 (2013): 482-498.
- Hermans, Chris AM. *Participatory learning: Religious education in a globalizing society*. Vol. 9. Brill, 2003.
- Khambali, Khadijah Mohd, Mohd Zaidi Daud, and Andi Thahir. "Interreligious Education as an Approach to End Racism and Discrimination." *KnE Social Sciences* (2023): 111-123.
- Kirana, Zuyyina Candra. "Pendidikan Interreligius Berbasis Pancasila Sebagai Acuan Melawan Stigma Menguatnya Radikalisme." *MOMENTUM: Jurnal Sosial dan Keagamaan* 9, no. 1 (2020): 150-169.
- Moher, David, Alessandro Liberati, Jennifer Tetzlaff, and Douglas G. Altman. "Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement." *BMJ* 339 (2009).
- Parker, Lyn. "Religious education for peaceful coexistence in Indonesia?." *South East Asia Research* 22, no. 4 (2014): 487-504.
- Moyaert, Marianne. "On the role of ritual in interfaith education." *Religious Education* 113, no. 1 (2018): 49-60.
- Nole, Otniel Aurelius dan Serdianus. "Pendidikan Interreligius Berbasis Moderasi Beragama Untuk Membentuk Karakter Bangsa." *Melo: Jurnal Studi Agama-agama* 3, no. 2 (2023): 90-106.

- Nole, Otniel Aurelius, and Mariska Lauterboom. "Potensi Pendidikan Interreligius Meminimalkan Hate Speech di Media Sosial. 123-146.
- Nor, Mohd Roslan Mohd. "Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia." *At-Ta'dib* 6, no. 1 (2011).
- Nurhakim, Nasrun, Muhamad Irfan Adriansyah, and Dinnie Anggraeni Dewi. "Intoleransi Antar Umat Beragama Di Indonesia." *MARAS: Jurnal Penelitian Multidisiplin* 2, no. 1 (2024): 50-61.
- Omar, Noraini, and Mohd Aderi Che Noh. "Kepelbagaian elemen budaya dalam pengajaran pendidikan islam: isu dan kepentingan." *O-JIE: Online Journal of Islamic Education* 3 (2017): 1-11.
- Page MJ, McKenzie JE, Bossuyt PM, Boutron I, Hoffmann TC, Mulrow CD, et al. The PRISMA 2020 statement: an updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ* 372 no. 1 (2021).
- Prasetyo, Dwi, and Aiunun Nadlif. "Efektifitas Pembelajaran Pendidikan Multi Agama pada Perubahan Perilaku Pergaulan Bebas Siswa Kelas XI SMKN 1 Negara Kabupaten Jembrana Provinsi Bali." *Academicia Globe: Inderscience Research* 1, no. 1 (2023).
- Salleh, Kamarudin, and Yang Marya Abd Khahar. "Unsur-unsur persefahaman antara agama dalam kurikulum Pendidikan Islam dan Moral." *Islamiyyat* 38, no. 2 (2016): 111-120.
- Toosi, Javad Fakhkhar, and Asyraf Isyraqi Jamil. "Multi-Religious Education from the Perspective of Islamic Teachings Compared to the Pluralist Model." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23, no. 1 (2021): 279-308.
- Triandini, Evi, Sadu Jayanatha, Arie Indrawan, Ganda Werla Putra, and Bayu Iswara. "Metode systematic literature review untuk identifikasi platform dan metode pengembangan sistem informasi di Indonesia." *Indonesian Journal of Information Systems* 1, no. 2 (2019): 63-77.
- Xiao, Yu, and Maria Watson. "Guidance on conducting a systematic literature review." *Journal of Planning Education and Research* 39, no. 1 (2019): 93-112.
- Yahya, Masuriyati, and Che Zarrina Sa'ari. "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 Brunei Darussalam dalam Melestari Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 16, no. 1 (2015): 61-92.
- Yang, Kiduk, and Lokman I. Meho. "Citation analysis: a comparison of Google Scholar, Scopus, and Web of Science." *Proceedings of the American Society for Information Science and technology* 43, no. 1 (2006): 1-15.
- Zain, Aemy Elyani Mat, Haslina Ibrahim, Nazneen Ismail, Safinah Ismail, Nur Aisyah Abu Hassan, and Fatin Farzana Dass Meral. "Isu Antara Agama: Sorotan Awal Kemerosotan Toleransi Agama Malaysia: A Preliminary Review of the Decline in Religious Tolerance in Malaysia." *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 11, no. 2 (2024): 1-14.